

**HUBUNGAN TAHAP KEMAHIRAN KOMPUTER DAN
JANTINA DENGAN SIKAP PENGGUNAAN
KOMPUTER DI KALANGAN GURU MATA
PELAJARAN SAINS DAN MATEMATIK:
SUATU KAJIAN DI SEKOLAH
MENENGAH DAERAH
PAPAR**



ALEXIUS B.L.B. UNJIE

UMS
PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN SOSIAL**

2004

ABSTRAK

HUBUNGAN TAHAP KEMAHIRAN KOMPUTER DAN JANTINA DENGAN SIKAP PENGGUNAAN KOMPUTER DI KALANGAN GURU MATA PELAJARAN SAINS DAN MATEMATIK: SUATU KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH PAPAR

Kajian ini mengupas tentang hubungan tahap kemahiran komputer dan faktor jantina terhadap sikap penggunaan komputer di kalangan guru mata pelajaran Sains dan Matematik. Kajian ini telah dilakukan di lima buah sekolah menengah di Daerah Papar yang melibatkan 41 orang guru sebagai sampel kajian. Skala sikap terhadap komputer (CAS-Computer Attitude Scale) yang diperkenalkan oleh Gressard dan Loyd digunakan untuk mengukur tahap sikap terhadap komputer responden, manakala tahap kemahiran komputer diukur menggunakan *Standardized Test of Computer Literacy* (STCL) yang diperkenalkan oleh Montag, Simonson dan Maurer. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap kemahiran komputer yang sederhana, manakala mempunyai sikap yang positif tinggi terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran bilik darjah. Analisis yang dilakukan menggunakan program SPSS mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran komputer dan sikap terhadap penggunaan komputer dengan pelbagai aspek demografi responden seperti jantina, umur, tahap pendidikan dan sebagainya. Ujian korelasi Pearson menunjukkan wujud hubungan positif linear yang signifikan di antara tahap kemahiran dengan sikap guru terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran. Ini bermakna tahap kemahiran komputer mempengaruhi sikap guru terhadap penggunaan komputer, yakni semakin tinggi tahap kemahiran komputer semakin positif sikap terhadap penggunaan komputer di kalangan guru. Daripada pelbagai masalah yang disenaraikan majoriti responden menyatakan bahawa mereka sukar menyesuaikan dan menggabungkan penggunaan komputer dengan isi pengajaran sebagai masalah paling utama yang mereka hadapi. Manakala, apabila menghadapi masalah dalam penggunaan komputer dalam pengajaran, kebanyakan responden mengambil langkah untuk mengelakkan daripada menggunakan komputer sebagai langkah yang paling utama. Melalui kajian ini, pelbagai cadangan telah disarankan untuk meningkatkan tahap kemahiran dan sikap positif terhadap penggunaan komputer terutama kepada guru-guru; antaranya menekankan kepentingan latihan kemahiran formal dan kempen kesedaran tentang manfaat dan kelebihan menggunakan komputer dalam pengajaran.

ABSTRACT

HUBUNGAN TAHAP KEMAHIRAN KOMPUTER DAN JANTINA DENGAN SIKAP PENGGUNAAN KOMPUTER DI KALANGAN GURU MATA PELAJARAN SAINS DAN MATEMATIK: SUATU KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH PAPAR

This study investigated the relation of computer literacy level and the gender factor and attitudes towards computers of Mathematics and Science teachers. The sample consisted of 41 Maths and Science teachers from 5 secondary schools in the district of Papar. The Computer Attitude Scale (CAS) was used to assess subjects' attitudes toward computers. The Standardized Test of Computer Literacy (STCL) was used to assess subjects' levels of computer literacy in terms of computer applications. The findings showed that majority of the respondents have average computer literacy level and positive attitudes toward computers. There was no significant correlation between computer literacy level or attitudes toward computers and respondents' demographic characteristics. However, there was a positive linear relationship between computer literacy level and attitudes toward computers among teachers. Teachers who had higher computer literacy were found to have more positive attitudes toward computers. Most respondents indicated that it was difficult to incorporate the use of computers in their lessons. When faced with problems in the use of computers, avoiding the use of computers became their first solution. The findings from this study have initiated a few suggestions to improve the level of computer literacy and attitudes toward computers among teachers. Among them are; formal training in computer literacy and computer awareness campaign to give exposure to the teachers on the benefits and importance of computers in teaching.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH